

FASILITATOR KURSUS

Puan Maimunah Binti Osman adalah perunding latihan yang bergiat di Malaysia dalam bidang Kemahiran Berfikir, Kreativiti, Kepimpinan, Pengurusan Organisasi dan Pembangunan Kendiri. Beliau memiliki ijazah Sarjana Pentadbiran Awam (MPA) dari Universiti Malaya dan Sarjana Muda Sastera (Geografi Kepujian) dari universiti yang sama. Maimunah mempunyai pengalaman selama 21 tahun dalam pengurusan perkhidmatan awam dan memulakan perkhidmatannya di Universiti Malaya sebelum berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) di Jabatan Perdana Menteri dan di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Tujuh (7) tahun terakhir perkhidmatannya sebagai PTD beliau berkhidmat di INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara) menjalankan tugas fasilitasi latihan penjawat awam. Maimunah bersara awal pada tahun 2005 dan kini menjadi perunding latihan bebas. Sepanjang 12 tahun dalam bidang latihan dan pembangunan sumber manusia, Maimunah giat mengendalikan kursus-kursus di jabatan kerajaan, swasta dan antarabangsa. Beliau mempunyai kelayakan profesional sebagai jurulatih bertauliah teknik-teknik Edward de Bono antara tahun 1999-2007, Ujian psikologi Myers Briggs Type Indicators (MBTI) pada tahun 2003 dan Tony Buzan pada tahun 2006. Beliau mengendalikan pelbagai kursus dengan mengaplikasikan teknik-teknik Edward de Bono seperti Lateral Thinking, Six Thinking Hats, Direct Attention Thinking Tools dan Simplicity, teknik Tony Buzan seperti Mind Map dan Ujian Psikologi MBTI seperti Step I, II, Leadership dan Teambuilding. Selain itu, Maimunah telah menulis 6 buah buku di bawah topik pengurusan, kemahiran berfikir dan pembangunan kendiri.